

NAZA TTDI

Met Galleria tarikan
baharu KL Metropolis
Ms.63



Met Galleria kini tarikan KL Metropolis

➔ Pusat beli-belah dua tingkat
babit kos RM160 juta dilancar

Oleh Nurhayati Abllah
nurhayatiabllah@nstp.com.my

Naza TTDI Sdn Bhd (Naza TTDI), cabang hartanah milik Naza Corporation Holdings Sdn Bhd melancarkan komponen runcit pertama bagi pembangunan hartanah bercampur KL Metropolis, Met Galleria memabitkan nilai pembangunan kasar (GDV) RM160 juta.

Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi Naza TTDI, Datuk Idzham Mohd Hashim, berkata Met Galleria terdiri daripada galeri runcit yang memaparkan gaya hidup antarabangsa bercirikan kolonial dan moden merangkumi elemen kualiti serta kecanggihan dalam setiap reka bentuknya.

"Pusat beli-belah dua tingkat yang berkeluasan lebih 80,000 kaki persegi itu menyasarkan pembeli serta pengunjung yang memen-

tingkan suasana lebih tenang, selesa dan harmoni," katanya selepas pelancaran Met Galleria, di Kuala Lumpur, semalam.

Yang hadir sama Pengarah Urusan Kumpulan Naza TTDI, SM Faliq SM Nasimuddin.

Pembangunan hartanah bercampur

Idzham berkata, setakat ini, 40 peratus daripada ruang runcit Met Galleria dikhususkan bagi peruncit

makanan dan minuman (F&B), 20 peratus dicadangkan untuk kedai konsep, manakala bakinya akan diagihkan kepada penyewa utama, penyedia perkhidmatan dan kiosk.

"Met Galleria akan memenuhi keperluan penghuni di MET 1 Residences, pekerja dari pejabat berdekatan dan komuniti sekitar Mont Kiara serta pelawat MITEC," katanya.

Pembangunan hartanah bercampur, KL Metropolis adalah

pembangunan utama Naza TTDI di Lembah Klang.

Met Galleria adalah sebahagian daripada fasa pembangunan mega berkenaan.

KL Metropolis memabitkan GDV bernilai RM20 bilion dan dibangunkan di kawasan strategik seluas 30.55 hektar.

Mengenai prestasi syarikat, Idzham berkata, Naza TTDI masih merekodkan kadar pembelian baik pada masa ini.



Idzham menunjukkan model pembangunan KL Metropolis kepada SM Faliq (tengah) selepas pelancaran Met Galleria di Kuala Lumpur, semalam.